



GARIS PANDUAN

SUBSIDI BANTUAN PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA BAGI PELAJAR INDIA B40 DI UNIVERSITI AWAM

TAHUN 2023

JABATAN PERDANA MENTERI

GARIS PANDUAN
SUBSIDI BANTUAN PENGAJIAN IJAZAH SARJANA MUDA
BAGI PELAJAR INDIA B40 DI UNIVERSITI AWAM

1. TUJUAN

Selaras dengan konsep Malaysia MADANI, elemen pendidikan telah diberi perhatian bagi memastikan ilmu menjadi keutamaan. Sehubungan itu, program Subsidi Bantuan Pengajian Ijazah Sarjana Muda Bagi Pelajar India B40 yang diperkenalkan oleh Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA), Jabatan Perdana Menteri (JPM) adalah bertujuan untuk meringankan beban kewangan pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda di Universiti Awam (UA).

2. OBJEKTIF PROGRAM

- 2.1. Untuk membantu pelajar menampung perbelanjaan semasa di kampus; dan
- 2.2. Merapatkan jurang pembelajaran antara golongan yang mampu dengan yang tidak berkemampuan untuk meneruskan pengajian atas faktor kekurangan kewangan.

3. KRITERIA KELAYAKAN

- 3.1. Warganegara Malaysia berketurunan India;
- 3.2. Akan mengikuti pengajian di Tahun Kedua, Ketiga atau Tahun Akhir di mana-mana UA dalam negara, pada September / Oktober 2023;
- 3.3. Berstatus aktif sebagai pelajar sepenuh masa di UA pada tahun semasa;
- 3.4. Tidak mempunyai masalah disiplin di UA;
- 3.5. Daripada golongan B40 [pendapatan isi rumah tidak melebihi RM4,850.00 – perlu lampirkan dokumen Sumbangan Tunai Rahmah (STR)/ eKasih/ penyata gaji ibubapa];
- 3.6. Mempunyai akaun Bank Simpanan Nasional (BSN) bagi tujuan penyaluran subsidi; dan
- 3.7. Tidak disenarai hitam atau sedang dalam tindakan undang-undang.

4. KAEDAH PELAKSANAAN

- 4.1 Setiap pelajar yang layak akan menerima bantuan subsidi secara *one-off* sebanyak RM2,000;
- 4.2 Sekiranya pelajar tidak mempunyai akaun Bank Simpanan Nasional (BSN), pelajar perlu membuka akaun BSN di mana-mana cawangan bank BSN yang berdekatan; dan
- 4.3 Bantuan kewangan ini akan disalurkan terus kepada pelajar menerusi akaun BSN pelajar sahaja. Pembiayaan secara tunai adalah tidak dibenarkan.

5. PERMOHONAN

- 5.1. Permohonan hendaklah dikemukakan secara dalam talian di laman web MITRA - Permohonan Subsidi Bantuan Pengajian Ijazah Sarjana Muda Bagi Pelajar India B40 Di Universiti Awam (UA) atau melalui pautan rb.gy/yysg4
- 5.2. Tempoh permohonan akan dibuka mulai 08 Mei 2023, jam 2.00 petang sehingga 15 September 2023, 5.00 petang; dan
- 5.3. Borang permohonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat tidak akan dipertimbangkan.

6. PENUTUP

Garis Panduan ini dibangunkan sebagai rujukan bagi tujuan Permohonan Subsidi Bantuan Pengajian Ijazah Sarjana Muda Bagi Pelajar India B40 Di Universiti Awam (UA).

SEKSYEN PENDIDIKAN DAN LATIHAN

UNIT TRANSFORMASI MASYARAKAT INDIA MALAYSIA (MITRA)

JABATAN PERDANA MENTERI

MEI 2023